

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 July 2015

Harapan bekas Perdana Menteri terhadap Kabinet baharu

Tingkat kesejahteraan rakyat

Oleh **ADLINAHANI KHALIL**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 JULAI

BEKAS Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berharap semua agenda yang dirancang Kabinet baharu akan dilaksanakan dengan segera bagi mengelak lebih banyak permasalahan timbul pada masa akan datang.

Menurut beliau, tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melakukan rombakan Kabinet semalam tidak dilihat sebagai satu penyelesaian, tetapi sebagai satu langkah untuk menjaga dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

“Selepas rombakan dilakukan, pasti semua rakyat akan tertunggu-tunggu apa yang bakal kerajaan buat pada masa akan datang.

“Oleh hal yang demikian, kerajaan kini perlu melaksanakan apa yang dirancang dengan segera supaya tiada masalah lain pula yang timbul,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Ekonomi dan Kewangan Islam 2015 anjuran Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (Ekonis) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof. Datuk Dr. Mazlin Mokhtar; Ketua Pengarah



ABDULLAH AHMAD BADAWI menurun tandatangan beliau semasa melancarkan ‘Sahabat Ekonis UKM’ bersempena perasmian Persidangan Kebangsaan Ekonomi dan Kewangan Islam 2015 di Bangi, semalam. Turut kelihatan Othman Mustapa (dua dari kiri). - UTUSAN/SYEFRI MONIZ

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapa dan Prof. Adjung Institut Islam Hadhari UKM, Tun Abdul Hamid Mohamad.

Dalam pada itu, Abdullah mengingatkan rakyat negara ini jangan membuat sebarang andaian negatif berhubung rombakan Kabinet yang dilakukan.

Sebaliknya, beliau meminta se-

mula pihak mendoakan segala agenda yang dirancang untuk dilaksanakan oleh kerajaan dapat membawa kebaikan kepada rakyat.

“Saya tahu perubahan yang dilakukan bukan mudah, namun saya yakin kerajaan pasti akan berusaha untuk menjaga kesejahteraan rakyat.

“Dalam keadaan kini, kita hanya

boleh tunggu dan lihat. Jangan buat andaian sendiri,” ujarnya.

Ditanya mengenai pelantikan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri baharu, Abdullah meminta semua pihak memberi peluang kepadanya untuk menjalankan tugas serta bertanggungjawab dengan penuh dedikasi.